

# Kabinet setuju Perdana Menteri lawat

BH 30 MAY 2002

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet hari ini memberi perakuan dan kelulusan untuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melakukan lawatannya ke Vatican City untuk bertemu Pope John Paul II, pada 7 Jun ini.

Perdana Menteri berkata selain membincangkan isu Palestin, pertemuannya dengan pemimpin tertinggi Roman Katolik itu juga

akan menyentuh masalah imej Islam, kurang kefahaman mengenai agama Islam dan hubungan antara orang Islam dengan bukan Islam.

"Kabinet sudah lulus dan merakukan. Kemungkinan (pertemuan itu) ialah pada 7 Jun," katanya selepas merasmikan Kongres Sedunia Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI) 2002

di sini, hari ini.

Pertemuan bersejarah itu bakal berlangsung menjelang lawatan Dr Mahathir ke Switzerland dan Luxembourg dari 9 hingga 13 Jun ini.

Ia adalah lawatan rasmi dan pertemuan pertama pemimpin dari Malaysia ke pusat pentadbiran bagi penganut agama Roman Katolik itu.

Lawatan itu adalah undangan Pope dan atas peribadi Dr Mahathir sebagai pemimpin ulung Islam yang sederhana tetapi mempunyai pengaruh besar di kalangan negara Islam.

Ketika mengulas dakwaan Parti Rakyat Malaysia (PRM) bahawa pertemuan itu bertujuan mengambil hati golongan

Kristian di Malaysia menjelang pilihan raya akan datang, Dr Mahathir berkata: "Itulah, sangkaan buruk memang ada pada orang ini."

Beliau berkata, kerajaan tidak mempunyai niat yang terselindung dalam menerima jemputan itu dan sebaliknya berhasrat mendapatkan kebaikan daripadanya.

## Vatican bulan depan

Semalam, Presiden PRM, Syed Husin Ali menyambut baik langkah Dr Mahathir untuk bertemu dengan Pope tetapi mengingatkan Mahathir supaya pertemuan itu jangan dijadikan agenda tersendiri untuk menawan hati pengundi beragama Kristian.

Bagaimanapun, pertemuan Perdana Menteri dengan Pope disambut baik

pelbagai pihak termasuk Pas. Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat dilaporkan berkata pertemuan itu wajar disambut baik kerana ia membolehkan pemimpin agama Kristian mendengar penjelasan mengenai pendirian Islam dan Malaysia berhubung keganasan yang berlaku di Afghanistan dan Palestin.

Semalam, Dr Mahathir

bersyukur kerana pembangkang terutama Pas dan badan bukan kerajaan (NGO) tidak mempolitikkan lawatannya untuk bertemu Pope.

Turut menyambut baik pertemuan itu ialah Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Majlis Perundingan Budha, Kristian, Hindu dan Sikh Malaysia (BKHS).